

29/04/1997

Kementerian masih perlukan Dr Wan Zahid

Mohd Fuad Razali

KEMENTERIAN Pendidikan masih memerlukan khidmat Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin sekalipun beliau sudah menamatkan perkhidmatannya sebagai Ketua Pengarah Pendidikan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata khidmatnya masih diperlukan untuk membantu kementerian itu kerana beliau mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang pendidikan.

Najib juga mengesahkan Dr Wan Mohd Zahid akan terus dikekalkan sebagai pengerusi bagi Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB).

"Saya akan mengadakan perbincangan khusus dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara ini (khidmat Dr Wan Zahid)," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas Dr Wan Zahid kepada Ketua Pengarah Pendidikan yang baru, Datuk Matnor Daim, semalam.

Pelantikan Matnor sebagai Ketua Pengarah Pendidikan berkuatkuasa mulai hari ini.

Menurutnya, kepakaran dan pengalaman Dr Wan Zahid masih diperlukan dalam beberapa bidang tertentu, terutama dalam penggubalan konsep sekolah bestari memandangkan beliau adalah antara pelopor utama konsep itu.

"Selain itu, beliau juga masih diperlukan untuk memberi motivasi kepada guru untuk meningkatkan daya juang sebagai pendidik," katanya.

Sementara itu, Matnor ketika ditemui melahirkan rasa terharu atas kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk menjawat jawatan baru itu.

Beliau berazam untuk meneruskan segala usaha murni yang dilakukan oleh Dr Wan Zahid yang mempunyai idea yang dinamis.

"Saya berasa bertuah kerana mewarisi tradisi yang ditinggalkan oleh Dr Wan Zahid yang memberikan asas yang amat kukuh dalam menentukan hala tuju serta pengisian pendidikan bagi mencapai hasrat dan matlamat negara, khususnya di alaf abad ke-21," katanya.

Matnor berkata, beliau akan memberi penekanan kepada pendidikan di peringkat rendah, khususnya bagi memperkuat asas pendidikan sains dan teknologi.

Katanya, langkah itu perlu supaya pelajar tidak menghadapi masalah sewaktu memasuki persekolahan peringkat menengah.

Beliau juga berharap dapat bekerjasama dengan pihak media sebagai saluran untuk mendekati rakyat, khususnya ibu bapa, supaya mereka dapat memahami falsafah dan konsep pendidikan.

Katanya, ibu bapa juga patut dibabitkan dalam pemuafakatan dengan pihak sekolah menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), lebih-lebih lagi bagi menangani gejala sosial yang sedang melanda masyarakat kini.

(END)